

Risalah Pemberitahuan Produk

Nota: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih Mortgage Reducing Term Takaful. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful", "Kami")
Nama Produk : Mortgage Reducing Term Takaful
Tarikh : <dd/mm/yyyy>

1. Apakah produk ini?

- Ini adalah pelan takaful keluarga untuk pembiayaan kewangan gadai-janji, dan juga kewangan Islam yang bersesuaian yang lain, jika ada.
- Mortgage Reducing Term Takaful ialah produk takaful caruman tunggal yang menyediakan pembayaran manfaat sekaligus sekitarannya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK) pada Orang yang Dilindungi.
- Pelan ini matang pada ulangtahan sijil apabila Orang yang Dilindungi sudah mencapai umur 70 tahun hari lahir berikutnya atau sehingga tempoh perlindungan maksima tamat, mana-mana yang terdahulu.
- Bayaran manfaat sekaligus akan bergantung kepada Jadual Jumlah Perlindungan Berkurangan dan nilai tunai terkumpul di dalam Akaun Individu Peserta (PIA) seperti yang diilustrasikan dalam Ilustrasi Manfaat.

2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?

- Tabarru':** Sebahagian daripada Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana Tabarru' sebagai derma yang Orang yang Dilindungi rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Orang yang Dilindungi yang memerlukan.
- Wakalah:** Kontrak agensi di mana:
 - Wakalah bi al-Ujrah:** Caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar di mana Peserta/Orang yang Dilindungi melantik Kami untuk mengurus Dana Tabarru'. Amaun tersebut akan ditolak daripada Akaun Individu Peserta (PIA).
 - Wakalah bi al-Istithmar:** Peserta/Orang yang Dilindungi melantik Kami untuk mengurus PIA. Kami layak menerima upah tertentu seperti yang telah dipersetujui pada awal kontrak di atas perkhidmatan yang telah diberikan.
- Ju'alah:** Saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan di mana Orang yang Dilindungi akan berkongsi Lebihan Pengunderitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang dipersetujui sebanyak 50:50 yang mana akan diaghikhan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- Qard** (Pinjaman): bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari Kami jika Dana Tabarru' mengalami defisit. Qard tersebut akan dibayar Lebihan Pengunderitan akan datang dari Dana Tabarru'.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Pelan ini menyediakan manfaat seperti yang berikut:

- | | | |
|--|---|--|
| (a) Manfaat Kematian/HUPK ¹ | : | Manfaat Kematian/HUPK ¹ |
| | | : Mana-mana yang tertinggi:- |
| | | (i) Jumlah Perlindungan Berkurangan |
| | | (ii) Nilai PIA |
| (b) Manfaat Ihsan | : | RM 2,000 semasa kematian Orang yang Dilindungi |
| (c) Manfaat Matang | : | Nilai PIA |

Tempoh perlindungan adalah <Coverage Term> tahun.

Nota:

Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk pada Ilustrasi Manfaat dan Sijil Takaful untuk Jadual Jumlah Perlindungan Berkurangan.

¹ Perlindungan terhadap HUPK hanya disediakan sehingga umur 65 tahun hari lahir berikutnya. Jumlah pembayaran Manfaat HUPK hendaklah tidak melebihi RM2,000,000 untuk setiap Orang yang Dilindungi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Risalah Pemberitahuan Produk

4. Berapakah caruman yang saya perlu bayar?

- Jumlah caruman yang anda perlu bayar dan terma sijil bergantung kepada umur lahir berikutnya, status merokok, tempoh gadai-janji, tempoh pembinaan, kadar pembiayaan dan jumlah pinjaman yang dibuat oleh Orang yang Dilindungi.
- Caruman jugungkin berubah bergantung kepada syarat pengunderaitan Kami.
- Anggaran jumlah caruman yang perlu dibayar ialah RM [Contribution](#).
- Tempoh caruman: Caruman tunggal pada permulaan sijil.

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Caj Pendahuluan adalah 36% dari caruman tunggal atau RM [Upfront Charge](#) dan ditolak terlebih dahulu dari PIA (ditolak Cukai Perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain, jika ada), yang terdiri daripada:
 - (i) kos pengagihan termasuk komisen yang dibayar kepada Bank; dan
 - (ii) perbelanjaan pentadbiran
- Tabarru' yang diilustrasikan adalah berdasarkan kadar semasa. Ia berdasarkan perubahan dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa dengan memberi notis tiga (3) bulan kepada Peserta.
- Tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada Akaun Individu Peserta (PIA) ke dalam Dana Tabarru'. Tabarru' mungkin akan meningkat mengikut umur. Tabarru' yang dikenakan mungkin berbeza mengikut umur hari lahir berikutnya pada ulang tahun sijil. Maklumat tentang Tabarru' dan caj-caj lain untuk Takaful boleh didapati di dalam Ilustrasi Manfaat dan Sijil Takaful.
- Caruman yang dinyatakan dalam soalan 4 di atas tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan/atau lain-lain cukai yang berkenaan.

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya ketahui?

- **Kepentingan untuk Membuat Pendedahan** – Anda mestilah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan, dan menyatakan umur anda dengan betul.
- **Tempoh Rujukan Percuma** – Orang yang Dilindungi boleh memberitahu Peserta untuk membatalkan sijil dengan mengembalikan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari selepas penghantaran sijil, di mana Kami akan membayar balik jumlah menyamai caruman yang telah dibayar, dengan segera, setelah ditolak bayaran perubatan (jika ada) untuk pemeriksaan perubatan.
- **Nilai Serahan** – Anda boleh menerima baki jumlah dalam PIA apabila pelan ditamatkan atau matang, yang mungkin akan kurang daripada jumlah caruman yang diperuntukkan ke dalam PIA. Tiada manfaat akan dibayar dari Dana Tabarru'.
- **Prosedur Tuntutan** – Borang tuntutan boleh didapati daripada Kami. Bukti tuntutan mestilah diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat. Bagi tuntutan kematian, adalah dinasihatkan untuk memaklumkan Kami serta-merta.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful bagi terma dan syarat di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- Kematian dalam tahun pertama sijil akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- HUPK akibat selepas keadaan/sakit/kecederaan yang sedia ada sebelum atau pada Tarikh Berkuatkuasa.
- HUPK akibat kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- HUPK yang terjadi kesan daripada anda melanggar undang-undang atau provokasi menyerang.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful bagi senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan sijil ini. Persetujuan daripada Peserta adalah diperlukan sekiranya Orang yang Dilindungi bercadang untuk membatalkan sijil ini. Jika sijil ditamatkan awal, anda mungkin mendapat semula jumlah yang lebih rendah daripada jumlah caruman yang dibayar.

Risalah Pemberitahuan Produk

9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memberitahu Kami sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk menghubungi anda untuk memastikan supaya semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda dalam tempoh yang sepatutnya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk www.mycoverage.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat	:	Tingkat 3, Menara Great Eastern 303 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur
Tel	:	(603) 4259 8338
Faks	:	(603) 4259 8808
Careline	:	1 300 13 8338
E-mel	:	i-greatcare@greateasterntakaful.com
Laman Web	:	www.greateasterntakaful.com

Atau anda boleh hubungi:

OCBC AL-AMIN BANK BERHAD (818444-T)

Ibu Pejabat	:	Tingkat 25, Wisma Lee Rubber, 1 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.
Tel	:	(603) 8314 9310
Careline	:	1 300 88 0255
Laman Web	:	https://www.ocbc.com.my/OCBCAL_Amin/index.shtml

11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila semak dengan pegawai jualan Bank anda atau terus hubungi Pengendali Takaful bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

ANDA MESTILAH MEMASTIKAN BAHAWA ANDA DILINDUNGI SEPENUHNYA BERDASARKAN PEMBIAYAAN YANG DIAMBIL DARIPADA BANK. ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. JUMLAH DI DALAM PIA ADALAH TIDAK DIJAMIN DAN RISIKO PELABURAN DI BAWAH PELAN INI AKAN DITANGGUNG OLEH ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PEGAWAI JUALAN BANK ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Bank" atau "Peserta" merujuk kepada OCBC Al-Amin Bank Berhad (818444-T).

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah sehingga enam (6) bulan dari <dd/mm/yyyy>.